



## POLISI CAPAIAN INTERNET

Tarikh Kkuatkuasa	21 Feb 2005	Pindaan		Diluluskan Oleh	_____ Naib Canselor UNISEL
-------------------	-------------	---------	--	-----------------	-------------------------------

### 8.1 Tujuan Polisi

Polisi bertujuan melahirkan pengguna Internet yang beretika, selaras dengan kedudukan UNISEL sebagai sebuah institusi pendidikan yang bitara.

### 8.2 Skop Polisi

Polisi merangkumi semua penggunaan Internet termasuk (tetapi tidak terhad kepada) capaian laman web, pemindahan data atau maklumat dan perbincangan melalui 'list group' atau 'chat room'.

### 8.3 Polisi Capaian Laman

- i. Laman-laman yang boleh dilayari, dilanggan dan digunakan adalah berbentuk akademik dan pengetahuan. Laman yang berbentuk keganasan, lucah, hasutan dan yang boleh menimbulkan atau membawa kepada keganasan, keruntuhan akhlak dan kebencian adalah tidak dibenarkan sama sekali, KECUALI mendapat keizinan daripada Pengurus Pusat ICT melalui sokongan Ketua Jabatan bagi tujuan akademik, penyelidikan atau pentadbiran;
- ii. Permohonan untuk mencapai laman yang TERLARANG hendaklah dengan mengisi borang dan menyatakan tujuan capaian dan alamat laman tersebut;
- iii. Capaian laman yang berbentuk hiburan, hobi atau 'leisure' tidak dibenarkan di waktu pejabat, termasuk (tetapi tidak terhad kepada) laman 'game online', 'radio online' dan 'video streaming' yang membebankan rangkaian UNISELNet;
- iv. Melayari Internet tanpa tujuan atau meninggalkan capaian Internet 'unattended' adalah amat tidak beretika dan tidak digalakkan kerana ianya boleh menyebabkan kesesakan rangkaian UNISELNet; dan
- v. Pentadbir rangkaian dengan arahan atau kebenaran JPPICT berhak menapis, menghalang dan menegah penggunaan mana-mana laman web yang dianggap tidak sesuai.

### 8.4 Penyalahgunaan Capaian

- i. Pengguna dilarang mengganggu atau mencero boh laman web mana-mana jabatan, organisasi atau negara; dan
- ii. Pengguna dilarang memasukkan, menyalin, meniplak, mencetak dan

menyebarkan maklumat daripada Internet yang menyalahi undang-undang negara.